



o u

GEMPAK.

WEEKLY EDITION



ADRIAN TEH

Rehat Sekejap Dari Filem Aksi

Adrian Teh



Tidak mahu hanya dikenali sekadar pengarah filem aksi, Adrian Teh akui mahu berehat sebentar daripada mengarahkan genre filem seperti itu.

Pernah hadir dengan filem Gold dan kini Reversi, Adrian menjelaskan dia menghargai jika ada peminat filem tempatan mengingatnya sebagai pengarah filem aksi namun sebagai individu yang suka berkarya dia mahu menjadi lebih daripada itu.

"Ini adalah pertama kali saya buat filem macam ini, jadi saya tidak tahu macam mana penerimaan penonton sebab saya lebih dikenali sebagai pengarah filem aksi."

"Tapi seperti yang saya pernah bagi tahu ketika tayangan Malbatt saya mahu berehat daripada mengarah filem aksi, jadi saya sudah hasilkan Gold dan kini Reversi."

"Saya hargai orang mengingati saya sebagai pengarah filem aksi namun saya sering mahu jadi lebih dari itu kalau boleh saya mahu jadi story-teller."

"Filem ini lain daripada yang lain, sudah tentu saya gementar kerana saya tidak ikut commercial punya formula," ujarnya.

Menurut pengarah filem Wira itu, naskah Reversi sebenarnya sudah disiapkan terlebih dahulu sebelum menyempurnakan projek Paskal yang ditayangkan tujuh tahun lepas.

Jelasnya, meskipun meminati filem pengembala masa, dia tidak menghasilkan Reversi sama seperti filem pengembala masa yang pernah ada.

"Untuk menghasilkan Reversi sudah tentu saya tengok banyak filem time traveller namun saya olah dengan cara saya sendiri."

"Untuk watak Akid yang dimainkan oleh Beto Kusyairi dia ada syarat-syarat tersendiri untuk di kembali ke masa lampau dimana disitu kita nampak ia mempunyai kelainan dan tidak sama dengan filem-filem pengembala masa yang lain," tambahnya.

Filem Reversi arahan Adrian dibintangi Beto Kusyairi, Shiqin Kamal, Zahiril Adzim, Azhan Rani, Hasnol Rahmat dan Vanida Imran. Filem ini sudah mula ditayangkan pada 19 Disember 2024.

- ASYRAF ROSLAN



Eksperimen Naratif Sains Fiksyen Adrian Teh Dalam “REVERSI”

Karya genre sains fiksyen penuh emosi arahan Adrian Teh berjudul Reversi bakal mengupas tema pengorbanan, keinsafan, dan peluang kedua, menjadikannya tontonan wajib sebagai penutup tahun ini.


Filem ini menampilkan barisan hebat Malaysia seperti Beto Kusyairy, Shiqin Kamal, Vanidah Imran, Hasnul Rahmat, Azhan Rani, Zahiril Adzim, dan Qi Razali.

Reversi mengisahkan seorang lelaki bernama Akid (Beto Kusyairy) yang dianugerahkan peluang untuk merentas masa lalu.

Dalam usaha melawan takdir demi menyelamatkan isteri dan anaknya, Akid terpaksa menghadapi pelbagai cabaran yang menguji cinta, pengorbanan, dan harapannya. Dengan elemen masa sebagai teras utama, filem ini membawa penonton dalam sebuah perjalanan yang penuh emosi.

Untuk info, filem ini telah disenarai pendek dalam bahagian pertandingan Festival Filem Udine Far East (FEFF) di Itali.

Saksikan kisah yang menyentuh jiwa ini di pawagam berhampiran anda mulai 19 Disember 2024!



KRU Is Back! Siap Sedia Outfit 90-an Untuk Konsert Mei 2025

Kumpulan trio adik-beradik popular KRU bakal melakarkan sejarah baharu tahun hadapan apabila muncul menerusi konsert mega berskala besar yang dijadualkan berlangsung pada 3 Mei 2025 di Axiata Arena, Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Kata anggota KRU, Datuk Norman Abdul Halim, kali terakhir KRU mengadakan persembahan pada 2018 di Istana Budaya dan sudah tentu dia mengharapkan agar konsert GenKRU bakal meninggalkan seribu kenangan bukan sahaja buat KRU malah untuk peminatnya.

"Kami memang tidak menyangka setelah sekian lama kami menyepi akhirnya kami kembali dan bakal menemui peminat-peminat KRU.

"Sudah pasti konsert selama dua jam itu nanti akan banyak kejutan yang akan kami berikan buat semua peminat yang hadir.


Termasuklah menari. Ya kami akan menari pada malam itu. Nak tahu dan nak lihat apa kejutan-kejutan jangan lupa dapatkan tiket yang akan mula dijual tidak lama lagi. Kalau kami beritahu semua itu bukan kejutan lagi," katanya.

KRU memilih Icon Entertainment milik Iman Tang sebagai promoter konsert mega mereka tahun depan.

"Kami percaya dengan kemampuan pemiliknya, Iman Tang yang bukan nama asing lagi. Dia datang kepada KRU bagi tahu nak guna lampu ini, lagu ini. Semua dia beritahu terperinci. Kami tahu nyanyi sahaja.

"Disini kami (KRU) nampak kredibiliti Iman Tang dalam menjayakan sesebuah konsert. Kehebatan Iman Tang dan kesungguhannya itu buatkan kami tertarik menerima 'risikannya', " katanya

Peminta KRU boleh mendapatkan tiket berharga RM258 hingga RM588 di laman sesawang www.ticket2u.com.my.



Onar Pempengaruh, Guna Populariti 'Jerat' Pengikut

Dunia media sosial penuh dengan ceritera pelbagai warna dan kejutan. Pempengaruh sentiasa menjadi subjek utama dengan para pengikut sebagai 'rencah' dalam setiap perkara yang berlaku di media sosial.

Jika sebelum ini pempengaruh sering terkait dengan kontroversi peribadi seperti nikah-kahwin namun dua orang individu yang menjadi ikutan ramai ini mempunyai kes tersendiri. Mereka adalah pempengaruh yang dikenali sebagai Kim Seri dan Hu Chang Mun; kedua-duanya dikaitkan dengan jenayah penipuan wang.

Apakah yang telah mereka lakukan? - MALIAH SURIP

HU CHANG MUN TIPU SKIM PELABURAN

Seorang pempengaruh lelaki, Hu Chang Mun menimbulkan kontroversi selepas ditahan polis Taiwan selepas pada mulanya dilaporkan hilang ketika dalam perjalanan di Taiwan kerana didakwa bekerja sebagai keldai wang untuk sindiket penipuan ketika lawatannya ke Taiwan.

ETtoday News melaporkan pihak berkuasa mengesahkan, Chang Mun dilaporkan terbabit dalam penipuan pelaburan yang menyasarkan seorang wanita Taiwan berusia 40 tahun.

Wanita terbabit dilaporkan menjadi mangsa skim penipuan itu selepas menyertai 'platform pelaburan dengan keuntungan terjamin' di media sosial. Dia mengalami kerugian kewangan yang besar dan membuat laporan polis selepas menyedari dirinya ditipu.

Pada 11 Disember lalu, ketika pertemuan ketiga dengan Chang Mun untuk menyerahkan NT\$2 juta (kira-kira RM276,000), polis bertindak campur tangan dan menangkapnya di tempat kejadian.





KIM SERI TIPU PAKEJ PELANCONGAN



Nama pempengaruh yang dikenali sebagai Kim Seri atau Kimseri_Eina didakwa melakukan penipuan pakej pelancongan ke Korea Selatan menjadi hangat selepas didakwa melakukan penipuan pakej pelancongan ke Korea Selatan.

Susulan kejadian yang tular di media sosial, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan menerima 24 laporan daripada mangsa dengan nilai kerugian dianggarkan hampir setengah juta ringgit.


"Setakat ini, JSJK Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menerima 24 laporan daripada mangsa-mangsa yang terlibat dengan nilai kerugian sebanyak RM454,450," ujar Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf seperti dilaporkan Sinar Harian.

Impak kes yang melanda, wanita yang juga terkenal dengan restoran menggunakan nama sama dan menjadi lokasi makanan Muslim di Korea Selatan digugurkan sebagai 'rakan'.

Kim Seri belum memberi kenyataan rasmi terhadap isu yang melanda dirinya ini sehingga sekarang.



GEMPAK SINEMA



Pengarah: Donnie Yen

Pelakon: Julian Cheung, Michael Hui, Francis Ng, Shirley Chan

Genre: Aksi/Thriller

Mengisahkan tentang seorang pendakwa raya yang menyiasat kes membabitkan seorang banduan yang berdepan tuduhan mengedor dadah. Percaya tertuduh tidak bersalah, Donnie kemudiannya berjaya membongkar rancangan jahat sekumpulan peguam yang cuba menutup kes tersebut.



Pengarah: Berry Jenkins

Pelakon: Seth Rogen, Billy Eichner, Kelvin Harrison Jr., Aaron Pierre, John Kani

Genre: Aksi/Animasi/Drama

Mengisahkan Raja Singa bernama Mufasa ketika usia mudanya yang menjadi yatim piatu hingga bergelar raja yang dihormati di Pride Lands. Mufasa bertemu Taka, calon pewaris takhta kerajaan yang kemudiannya menjadi Scar. Kisah mereka penuh dengan persaudaraan, konflik dan pengkhianatan. Kehadiran Rafiki, Timon, dan Pumbaa membantu membentuk legenda Mufasa.



Pengarah: Rizal Mantovani

Pelakon: Wafda Saifan, Fahad Haydra, Frederika Cull

Genre: Seram/Thriller

Mengisahkan tentang sepasang suami isteri Andi dan Maya yang diserang ilmu hitam berbahaya bernama racun sangga yang akan menyeka mangsa sehingga maut.

Nurin Afiqah, Ciku Gais, Amir Ahnaf, Lynd Nakemu Dominasi Carta Top 20 GMWA 2024!

Nama-nama popular seperti Nurin Afiqah dan Sara Muzam antara content creator muda yang mendominasi carta Top 20 Gempak Most Wanted (GMW) Awards 2024 kategori Digital Creator (Beauty & Fashion) Tergempak.

Dalam kategori Digital Creator (E-Sports) Tergempak pula, Ciku Gais, Dibo dan Kambing Golek masih mengukuhkan kedudukan masing-masing.

Sementara itu, selebriti seperti Amir Ahnaf dan Anna Jobling membuktikan populariti di layar kaca dan media sosial apabila mendominasi carta Selebriti Trending.

Lynd Nakemu dengan inspirasi dan kandungan informatif mengungguli carta LDigital Creator Lifestyle Tergempak.

Gempak Most Wanted menyenaraikan kandungan hiburan digital mingguan paling tular dari pelbagai platform media sosial setiap minggu.

Kandungan-kandungan ini dipilih berdasarkan pencalonan umum daripada orang awam dan jumlah undian daripada netizen di gempak.com/gempakmostwanted.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Undi calon Top 20 GMW Awards 2024 untuk melayakkan calon kesayangan anda ke pusingan Top 5 GMW Awards 2024 yang akan diumumkan tidak lama lagi di www.gempakmostwantedawards.com



Jom semak senarai pempengaruh dan selebriti paling trending di carta terkini Top 20 GMW Awards 2024.

Digital Creator (Beauty & Fashion) Tergempak

1. Nurin Afiqah
2. Sara Muzam
3. Thuraya Nur
4. Aishhrahim
5. Rizwan

Selebriti Trending


1. Amir Ahnaf
2. Atu Zero
3. Aedy Ashraf
4. Siti Khadijah Halim
5. Scha Elinnea

Digital Creator Entertainment Tergempak

1. Acap S
2. Shahril
3. Asyraf Rozami
4. Jieha Iqbal
5. Adzim Hariz

Lagu/Audio Tergempak

1. Bunga Kemboja -Iman Troye
2. Datanglah Sang Puteri-NAKI
3. Selama Berdua-Firdaus Rahmat
4. Gelora-Usop
5. PP at Bukit Tabur--53 Universe and YBJ



Astro Shaw Lancar Astro Shaw Cinematic Universe



Astro Shaw memperkenalkan Astro Shaw Cinematic Universe (ASCU), inisiatif sinematik pertama di Malaysia yang menggabungkan IP filem popular seperti Polis Evo, Keluang Man, dan High Council. Projek ini merangkumi filem dan siri premium baru, dengan gabungan filem dijadualkan pada 2028. ASCU bertujuan memperluaskan kolaborasi dengan studio, bakat seni, dan industri lain, sambil memacu inovasi pemasaran melalui kerjasama dengan jenama besar seperti Wonda dan Grab. Ketua Astro Shaw, Raja Jastina Raja Arshad, berharap langkah ini memperkuuh ekosistem sinema tempatan dan membawa karya Malaysia ke tahap antarabangsa.



Astro Peroleh Hak Penyiaran Liga Perdana Inggeris Hingga 2028

Astro mendapat hak eksklusif untuk menyiaran Liga Perdana Inggeris dan Piala FA Emirates bagi musim 2025/26 hingga 2027/28. Pelanggan boleh menikmati semua 380 perlawanan dalam HD, beberapa perlawanan dalam 4K UHD, dan siaran langsung Piala FA. CEO Kumpulan Astro, Euan Smith, menegaskan komitmen Astro untuk menyediakan pengalaman sukan terbaik, sementara Liga Perdana Inggeris memuji Astro sebagai rakan setia. Liga ini boleh diakses melalui Sports Pack Astro One atau aplikasi sooka. Maklumat lanjut tersedia di laman rasmi Astro dan sooka.

Konsert Countdown MeleTOP 2025 Tampilkan Barisan Artis Popular!

Astro akan menganjurkan Konsert Countdown MeleTOP 2025 di IOI City Mall, Putrajaya, pada 31 Disember 2024. Acara ini bakal menampilkan persembahan hebat artis popular tanah air seperti Noraniza Idris, Aina Abdul, Shila Amzah, dan Hael Husaini, sebagai penghargaan kepada penonton setia Astro. Konsert ini terbuka kepada semua secara percuma, bermula jam 6.30 petang. Selain persembahan artis terkemuka, acara ini akan dimeriahkan dengan gimik khas, aktiviti menarik, dan hiburan tanpa henti untuk meraikan kedatangan tahun baharu. Penonton juga boleh menyaksikan siaran langsung konsert ini menerusi MeleTOP di Astro Ria (saluran 104) pada jam 10 malam, atau strim melalui Astro Ultra/Ulti Box dan Astro GO.



Siti Nurhaliza, Judika Hangatkan Stadium Merdeka!

Tanggal 14 Disember menjadi detik bersejarah bagi Biduanita Negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza, yang menjayakan Konsert The Journey of Sound di Stadium Merdeka di hadapan 28,000 penonton.

Bertemakan rona putih dan denim, sorakan gemuruh menyambut kehadiran Siti, yang diarak bersama Judika menaiki kereta sport mengelilingi stadium sebelum melantunkan lagu duet Kisah Ku Inginkan.

Konsert dimulakan dengan persembahan vokal berenergi Judika yang membawakan lagu-lagu hitnya seperti Mama Papa Larang dan Bukan Dia Tapi Aku.

Kemunculan Siti memukau penonton dengan lagu pembukaan Siti Sana Sini dan Ku Milikmu, diikuti rangkaian hits seperti Seindah Biasa, Bukan Cinta Biasa, dan lagu tradisional seperti Hati Kama dan Nirmala. Aura dan tarian bertenaga Siti terus menghidupkan suasana malam yang penuh keindahan.

Melestarikan Seni Tradisional Telepuk

Kurator Muzium Tekstil Negara, Salmiahwati Djafar, menekankan bahawa seni tradisional telepuk memerlukan empat proses tradisional yang tidak dapat digantikan oleh teknologi moden.

Walaupun corak cetakan moden menyerupai telepuk, ia tidak boleh dianggap sebagai telepuk tradisional sebenar kerana tidak melalui proses pembuatan asal.

Menurut Salmiahwati, teknik telepuk memerlukan kemahiran tinggi dan latihan mendalam untuk menghasilkan corak yang sempurna. Seni ini memiliki keunikan tersendiri dan melambangkan kebijaksanaan masyarakat lampau dalam menenun dan menghias fabrik, yang pada asalnya hanya digunakan dalam kalangan istana.

Untuk mendapatkan info lebih lanjut, sertai Pameran Pesona Telepuk: Seni Perada Emas sedang berlangsung dari 28 Oktober hingga 31 Disember 2024 di Muzium Tekstil Negara.





Mad Noor

@dodosentoso

Tanda-Tanda Air Mani Lelaki Subur

Seorang lelaki subur biasanya mampu menghasilkan air mani dengan jumlah antara 1.5ml hingga 7.5ml. Pegawai makmal perubatan, Muhammad Noor Zakaria (Mad Noor) dari Dunia Lab, menekankan bahawa jumlah dan kualiti air mani memainkan peranan penting dalam kesuburan.

Ciri-Ciri Air Mani Sihat

1. Kuantiti Memadai: Jumlah air mani perlu mencukupi agar sperma dapat mencapai destinasi dengan mudah.
2. PH Alkali: Air mani harus bersifat alkali (pH 7.5-8) untuk melindungi sperma daripada persekitaran asidik pada organ wanita.
3. Kelikatan: Air mani yang sihat bersifat likat dan melekit, membantu melindungi sperma ketika melalui persekitaran ovarii. Kelikatan ini biasanya bertahan selama 30 minit hingga satu jam.
4. Warna: Air mani yang sihat berwarna keruh atau sedikit keputihan seperti air tepung. Warna kehijauan, kekuningan, coklat, atau merah mungkin menunjukkan jangkitan atau kehadiran darah dan memerlukan perhatian perubatan.

Jumlah Sperma dan Kesannya


- Lelaki subur menghasilkan sekurang-kurangnya 16 juta sperma/ml, tidak melebihi 200 juta/ml.
- Sperma yang terlalu sedikit mengurangkan peluang persenyawaan, manakala jumlah sperma terlalu banyak boleh menyebabkan kesukaran sperma bergerak bebas.

Tanda Jangkitan

Md Noor menjelaskan bahawa kehadiran sel darah putih dalam air mani boleh menjadi petanda jangkitan.

"Sel darah putih tidak sepatutnya wujud dalam air mani dan jika ada, pesakit memerlukan pemeriksaan lanjut," tambahnya.

Kesimpulannya, lelaki subur perlu memastikan jumlah, kualiti, dan kesihatan air mani mereka untuk mengekalkan kesuburan dan tahap kesihatan reproduktif.




2NE1 Set To Return To Malaysia

Iconic K-pop group 2NE1 will perform in Kuala Lumpur for the first time in 10 years as part of their "2NE1 ASIA TOUR [WELCOME BACK]" on February 1, 2025, at the National Hockey Stadium.

Tickets for Live Nation members will be available during the presale on December 16, 2024, with general sales starting the next day, December 17, 2024.

The group, known for hits like "Fire" and "I'm The Best," debuted in 2009 and became a global sensation. For ticket details, visit GoLive Asia's website.




4-Year-Old Malaysian Girl Sets Record For Identifying All 118 Elements

At just 4 years old, Jeimithra Vasagam has earned a spot in the Malaysia Book of Records for identifying all 118 elements of the periodic table in under two minutes.

This achievement follows her recognition in the India Book of Records and the Asia Book of Records.

Jeimithra's mother, Dr. Mathi Vathani, credits her success to a balanced routine, limited screen time, and a nutritious diet free from sugary foods. This isn't her first record; she previously identified flags from 195 countries in just over three minutes.



Ruhainies, Faisal Halim Among Malaysia's Most Googled In 2024

In 2024, the most Googled figures in Malaysia included actress Ruhainies, whose controversy with Aliff Aziz made headlines, and sports figures like Datuk Azizulhasni Awang, after his disqualification at the Paris Olympics. Also trending was Thai badminton player Kunvalut Vitidsarn, and Faisal Halim, a Selangor FC player who was attacked in May. Major events like the UEFA Euro 2024 and the Paris Olympics also dominated searches, along with the Rahmah cash initiative and PADU. The year also saw losses like Zayn Rayyan and Akira Toriyama.

Read full article in www.rojakdaily.com